

Anwar nafi kenyataan wujud konspirasi halang jadi PM

BH-5/11/2019 m/s: 8

➔ Presiden
PKR tegaskan
laporan
Financial Times
berita palsu

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menafikan beliau ada menyangkal wujud konspirasi menghalangnya menjadi Perdana Menteri.

Beliau menyifatkan laporan sebuah akhbar yang memetikinya sebagai berkata demikian adalah berita palsu.

Anwar berkata, beliau tidak pernah berkata demikian kepada akhbar berbahasa Inggeris itu dan menegaskan tidak akan melayan sebarang berita palsu yang dilaporkan.

Tak layan berita palsu

“Saya tidak pernah kata begitu. Berita palsu tidak akan dilayan,” katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar *Financial Times* yang memetikinya sebagai berkata, terdapat pihak yang ingin menasabotaj beliau daripada menjadi Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, maksud sebenar apa yang dikatakannya ialah terdapat elemen tertentu yang mungkin tidak setuju dengan pelan peralihan kuasa terbabit.



Maksud sebenar apa yang saya katakan ialah terdapat elemen tertentu yang mungkin tidak setuju dengan pelan peralihan kuasa terbabit”

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

“Ia satu proses demokrasi. Apa yang penting PH, Dr Mahathir dan saya sudah bersetuju (mengenai peralihan kuasa),” katanya.

Ditanya mengenai pelan peralihan itu Anwar berkata: “Kita sudah selesaikannya. Tiada masalah.”

Tiada tarikh rasmi peralihan kuasa

Dalam manifesto PH pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Dr Mahathir yang diumumkan sebagai Perdana Menteri akan menyerahkan jawatan itu kepada Anwar.

Bagaimanapun Setiausaha Agung PH, Datuk Saifuddin Abdullah, semalam menjelaskan, tidak ada tarikh rasmi berhubung pelan peralihan kuasa itu sebaliknya diserahkan kepada Dr Mahathir dan Anwar yang disifatkan sebagai tokoh besar untuk menentukannya.